

## MAHASISWA PERLU DIMENSI BARU

Kenyataan akhbar Utusan Malaysia 2 Mac 2005 menyatakan hampir 1000 pelajar universiti di selatan tanahair terlibat di dalam ketagihan ubat batuk begitu mengejutkan semua pihak. Sebelum ini statistik menunjukkan ratusan ribu pemuda tanahair berada di Pusat Serenti untuk menjalani pemulihan dadah. Menurut perangkaan pula pelbagai kesalahan dilakukan oleh mahasiswa meliputi vandalisme, kesalahan –kesalahan moral seperti khalwat, terlibat dengan arak dan sebagainya.

Baru-baru ini Dr. Baharuddin Ahmad Pensyarah ISTAC telah menulis mengenai senario institusi pengajian tinggi yang lesu dan sunyi. Berdasarkan pemerhatian tiada mahasiswa atau aktivis pelajar yang bangkit untuk menyatakan pendapat mereka atau memberikan pandangan konstruktif terhadap perkara ini. Sememangnya unsur lesu dan sunyi dapat dilihat melalui reaksi mahasiswa ketika ini.

Fenomena kecemerlangan mahasiswi mutakhir ini seperti anugerah Tunku Abdul Rahman kepada pelajar cemerlang institusi pengajian tinggi awam dipelopori oleh mahasiswi. Menurut kajian sedikit masa lagi golongan eksekutif wanita akan menguasai 30% jawatan tinggi di sektor kerajaan dan swasta. Bilangan mahasiswi di universiti-universiti juga sudah diketahui umum meliputi hampir 70% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Persoalannya sekarang di manakah tempat dan kedudukan mahasiswa pada masa hadapan. Mahasiswa patut melakukan sesuatu untuk menangani isu kelemahan, kemerosotan pelajaran dan akhlak yang semakin terkikis. Mahasiswa masa kini memerlukan dimensi baru di dalam pemikiran mereka ke arah mencapai kecemerlangan dan keterbilangan.

As-syahid Hasan Al-Banna di dalam bukunya “ Al-Usul Al-Isyirin” telah menggariskan asas –asas kekuatan yang boleh dijadikan panduan kepada mahasiswa. Syeikh Yusuf Al-Qardhawi pula berpesan kepada pemuda-pemuda Islam di dalam bukunya yang telah diterjemahkan bertajuk “Islamic Awakening” agar menuntut ilmu dan dalam masa yang sama menyumbangkan jasa kepada masyarakat. Keutamaan dalam sesuatu perkara perlu diberi perhatian atau dalam erti kata lain *fiqh awlawiyat* perlu betul-betul dihayati dan difahami. Mahasiswa masa kini kerap kali gagal untuk mengutamakan perkara yang lebih penting berbanding dengan penyertaan dalam aktiviti kurang bermanfaat.

Budaya hedonisme atau berhibur secara maksimum perlu dihindarkan. Mahasiswa layu dengan hiburan, lesu dengan rancangan reality tv, malas untuk ke pusat ilmiah seperti perpustakaan, kuliah agama dan sibuk dengan aktiviti-aktiviti kurang berfaedah. Bagaimana mahasiswa boleh mencapai kecemerlangan jika minat dan konsentrasi tidak difokuskan kepada pembangunan syahsiah dan pengembangan ilmu pengetahuan. Dengan itu, budaya tamakkan ilmu pengetahuan, kemabukan kepada bahan ilmiah, bencikan kemaksiatan, memusuhi sikap individualistik dan pantang membuang masa perlu dipupuk dan dibentuk.

Mahasiswa juga perlu mempunyai pemikiran intelektual kritis, konstruktif dan kreatif ke arah menjadikan diri mereka bertaraf antarabangsa. Inilah yang dikatakan oleh Perdana

Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa merasmikan "Education Summit" tahun lalu iaitu proses ke arah pengantarabangsaan dan kebolehpasaran kerja mahasiswa di sektor kerajaan mahupun swasta dalam dan luar negara. Proses pengantarabangsaan ini memerlukan mahasiswa mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan agar berkemampuan untuk bersaing dan mencipta kecemerlangan di dalam bidang diceburi.

Sebagai mahasiswa tanggungjawab dan asal-usul diri tidak boleh dipandang remeh dan dilupakan. Mahasiswa bukan sahaja memikul tanggungjawab terhadap diri sendiri malahan kepada keluarga, masyarakat, negara dan umat manusia seluruhnya. Sejarah membuktikan betapa sukarnya generasi terdahulu mendapatkan dan memperjuangkan kemerdekaan yang hasilnya mahasiswa kini mendapat tempat di institusi pengajian tinggi yang selesa dan cukup dengan pelbagai kemudahan bertaraf antarabangsa.

Cabaran yang dipikul oleh mahasiswa masakini amat besar dan dapat dirasakan kehebatannya itu dalam era globalisasi ketika ini. Mahasiswa perlu bersedia dari segi mental dan fizikal bagi memastikan jati diri bangsa dan agama dipertahankan dalam apa jua perkara. Semuanya ini memerlukan persiapan melalui proses pemaksimalan mengejar ilmu pengetahuan sama ada meliputi *duniawi* dan *ukhrawi*. Sudah tiba masanya mahasiswa bangkit dan menunaikan tanggungjawab kerana mereka inilah yang bakal menerajui kepimpinan negara di masa akan datang. Perkara utama yang perlu dilaksanakan ialah mencipta kecemerlangan dan kegemilangan di dalam pencapaian akademik dan aktiviti kemasyarakatan di institusi pengajian masing-masing. Mahasiswa tidak boleh lesu dan tidak bermaya lagi, sesungguhnya kebangkitan mahasiswa menjamin tonggak masa depan negara. ZULKIFLI HASAN.